

4,159 graduan menerima ijazah pada majlis Konvokesyen UMS ke-21 2019

Oleh Yap Siong Han

VIP 24.11.2019 4
KOTA KINABALU: Se-ramai 4,159 graduan akan menerima Ijazah Doktor Fal-safah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma pada majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-21 2019.

Canselor UMS, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin berkata, majlis konvokesyen itu akan berlangsung selama tiga hari.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ibu bapa seluruh Malaysia atas kecekalan mendorong anak-anak belajar sehingga ke menara gading.

“Walaupun banyak cabaran dihadapi sepanjang pengajian anak-anak, saya yakin semangat ibu bapalah yang menjadi pembakar semangat anak-anak untuk berjaya,” katanya ketika pada Majlis Konvokesyen UMS ke-21 2019, di sini semalam.

Beliau berkata, ilmu itu penting kepada seseorang individu sejak zaman ter-



TAHNIAH: Tun Juhar (kanan) menyampaikan ijazah kepada seorang penerima.

dahulu termasuk nilai-nilai hormat kepada orang tua dan masyarakat di sekitarinya.

Katanya, para graduan hendaklah bijak dalam berfikir, tidak menunjuk dan bangga diri sehingga menyenggung perasaan

orang tua dan masyarakat persekitaran oleh keegoan serta kesombongan.

“Para graduan kelak bakal menjadi tulang belakang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

“Keberadaan graduan dalam masyarakat adalah

satu kekuatan kerana kebijaksanaan graduan akan membawa kepada kemajuan,” katanya.

Juhar turut menyeru kepada para graduan agar peka kepada perubahan semasa dan menjadi individu yang positif dan berintegriti.